AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

2,188 kes baharu tertinggi direkod

Majikan perlu laksana amalan ditetapkan kerajaan

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan 2,188 kes baharu positif COVID-19 semalam, jumlah harian tertinggi dicatatkan setakat ini dengan kebanyakan dikesan daripada kluster di tempat kerja.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata semua kes positif itu membabitkan jangkitan tempatan, sekali gus menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah 58,847 kes, manakala jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 14,353 kes.

Beliau berkata, Selangor merekodkan kes tertinggi, iaitu 1,623 kes atau 74.2 peratus, manakala Sabah 232 kes atau 10.6 peratus dan Perak 112 kes (5.1 peratus).

Katanya, sebahagian besar daripada kes yang dilaporkan di Selangor adalah daripada Kluster Teratai, iaitu kluster membabitkan tempat kerja yang beroperasi di sekitar Lembah Klang dengan pertambahan 1,511 kes atau 93.1 peratus,

"Sebanyak 107 kes (4.9 peratus) yang dilaporkan semalam pula adalah berkaitan kluster di penjara membabitkan Kluster Tembok 103, Kluster Penjara Seberang Perai dua dan masing-masing satu kes bagi Kluster Penjara Kepayan dan Kluster Penjara Sandakan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham juga berkata, setakat ini 119 kluster yang dilaporkan berkaitan tempat kerja dengan 83 masih aktif sehingga kini.

Katanya, 77,201 individu sudah disaring daripada 119 kluster itu, dan 12,079 kes didapati positif COVID-19, membabitkan 4,398 kes warga tempatan dan 7,681 kes lagi adalah warga asing.

"Menyedari kepentingan mengimbangi antara nyawa dan kehidupan dalam gelombang ketiga penularan COVID-19 di negara ini, kerajaan mengambil pendekatan seperti melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di kawasan tertentu untuk menjaga kepentingan kedua-dua aspek iaitu kesihatan dan ekonomi.

"Bagaimanapun, kejayaan strategi ini memerlukan kerjasama yang sangat tinggi daripada majikan bagi memastikan semua amalan pekerjaan dan pekerja sentiasa patuh pada prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

"Bagi industri yang menggunakan banyak tenaga kerja warga asing, majikan bertanggungjawab menyediakan tempat kediaman pekerja yang kondusif serta memastikan pekerja mereka sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan penularan COVID-19 di kediaman dan tempat kerja," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, Kluster Teratai mencatatkan 1,511 kes baharu, menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 membabitkan kluster berkenaan sebanyak 4,036, manakala Kluster Tapak Bina Damanlela (1,539 kes); Kluster Cergas (1,337); Kluster Hentian (1,101); dan Kluster Kaya (900).



Justeru, Dr Noor Hisham berkata, majikan perlu melaksanakan beberapa amalan yang sudah ditetapkan oleh kerajaan, iaitu pemeriksaan suhu badan dan gejala sebelum memasuki tempat kerja; penyediaan tempat mencuci tangan atau cecair nyahkuman (*hand sanitiser*); kerap melaksanakan proses pembersihan dan pembasmian kuman terutama ruang guna sama.

"Kita turut meminta majikan mengambil peranan lebih besar bagi bersama-sama menangani penularan COVID-19 di Malaysia. Seperti kata pepatah berat sama dipikul, ringan sama dijinjing," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham juga berkata, empat lagi kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian 341, setakat tengah hari semalam.

Beliau berkata, sehingga kini, sebanyak 112 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), dengan 49 pesakit memerlukan bantuan pernafasan.

Katanya, KKM juga mencatatkan sejumlah 1,673 kes sembuh, menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah 44,153 kes atau 75.0 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Ujian calitan 3 hari sebelum berlepas dari Sabah

Kuala Lumpur: Semua pengembara dari Sabah perlu menjalani ujian calitan pengesanan COVID-19, tiga hari sebelum berlepas dari negeri itu ke destinasi lain di seluruh negara, mulai hari ini.

Sebelum ini, berkuat kuasa 11 Oktober lalu, peraturan bagi semua pengembara yang tiba dari Sabah diperketatkan dengan mewajibkan mereka melalui pelbagai prosedur termasuk aktiviti saringan gejala, ujian calitan dan menjalani kuarantin wajib selama 14 hari bermula dari tarikh ketibaan di pintu masuk negara.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, dalam satu kenyataan semalam, berkata semakan semula prosedur saringan kesihatan bagi pengembara dengan sejarah perjalanan pulang dari Sabah itu mengambil kira situasi semasa kes COVID-9 di Sabah.

"Selepas sebulan setengah pelaksanaannya, semakan semula ke atas prosedur saringan COVID-19 dan prosedur kuarantin wajib bagi mereka yang tiba dari Sabah di pintu masuk negara sudah dijalankan oleh KKM.

"Perkara ini juga sudah dibincangkan dalam sidang khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang bersidang semalam," katanya.

Dr Adham Baba

Dr Adham berkata, pengembara diwajibkan menjalani ujian calitan tiga hari sebelum berlepas dan jika didapati mereka positif COVID-19 atau bergejala, individu ini tidak akan dibenarkan meneruskan perjalanan keluar dari Sabah.

"Bagi yang positif COVID-19, mereka akan dirujuk ke hospital untuk isolasi, rawatan dan pemantauan manakala bagi individu yang bergejala akan dirujuk untuk menjalani pemeriksaan," katanya.

Beliau berkata, bagi pengembara yang dibenarkan meneruskan perjalanan keluar dari Sabah, mereka akan melalui saringan demam dan gejala, pemeriksaan laporan ujian calitan COVID-19 dan diwajibkan penggunaan aplikasi MySejahtera setibanya di pintu masuk negara di Semenanjung, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

"Jika mereka tidak bergejala dan laporan ujian makmal COVID-19 disahkan negatif, pengembara ini tidak lagi perlu menjalani kuarantin wajib selama 14 hari," katanya.